

12/10/1997

Kejayaan komitmen bersama

iewed by Imlan Adabi

KEJAYAAN adalah idaman manusia. Namun, bukan semua kejayaan boleh dicapai jika seseorang itu mempunyai jiwa yang kecil, takut menghadapi dugaan serta tidak kreatif dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Buku Berfikiran dan Berjiwa Besar karya motivator Dr DJ Schwartz adalah pedoman untuk membangunkan jiwa seseorang. Buku ini selari dengan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Menurut penulis, setiap manusia mempunyai peluang, bakat dan usaha yang hampir sama. Taraf pemikiran dan tanggapan mereka mengenai pekerjaan juga tidak berbeza.

Yang berlainan hanyalah kuasa dalam diri mereka sendiri. Orang yang tekun tidak semestinya berjaya jika tidak pandai mengambil kesempatan atau mencari peluang untuk meningkatkan harga diri sama ada dalam sosial mahupun pekerjaan.

Teras kejayaan adalah moto "kalau anda percaya anda boleh berjaya". Ini berkait rapat dengan keyakinan diri.

Buku setebal 279 halaman ini juga selari dengan arus pemikiran yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan rakyat berjiwa besar serta tidak memandang rendah kepada cabaran untuk berjaya.

Menurut Schwartz, kejayaan adalah kontra kepada ketakutan atau disebutnya "bangunkan keyakinan dan hancurkan ketakutan."

Penulis juga memberi panduan mengenai cara berfikir dan berjiwa besar. Apa yang perlu, setiap insan harus mempunyai kekuatan dalaman untuk menghadapi kehidupan. Rangsangan dan sumber luaran tidak akan ke mana andainya kita sendiri berjiwa lemah dan takut meneroka pemikiran baru.

Justeru, kreativiti berfungsi dalam kehidupan seseorang. Menurut penulis "fikiran anda adalah wujud anda" atau gesanya lagi: "Aturlah persekitaran anda supaya selalu kelas satu..."

Namun begitu, kejayaan bukan milik peribadi. Setiap manusia memerlukan manusia lain untuk mencapai kejayaan. Schwartz menyarankan kita mempunyai pandangan positif terhadap orang lain kerana kejayaan bergantung kepada komitmen bersama.

Bagaimana jika gagal? Kegagalan adalah asas untuk membangun kembali. Kata penulis, setiap manusia tidak dapat lari daripada kegagalan. Orang yang sebenar-benar gagal adalah manusia yang tidak pandai untuk bangkit kembali atau tidak mahu mengejar kejayaan selepas kegagalan.

Penulis memberi dasar asasi yang menunjang "mukjizat berfikiran besar" berasal daripada sumber utama, iaitu otak yang berfikiran baik dan tepat. Beliau merujuk pendapat Nabi Daud yang menyatakan "apa yang difikirkan dalam hati, itulah dia sesungguhnya." Fikiran Ralph Waldo Emerson menyatakan "manusia besar adalah mereka yang mengetahui fikiran menguasai dunia."

Pendapat mereka boleh menggegarkan dunia. Kini terpulang kepada kita untuk mencapai kejayaan.

(END)